

KERANGKA PERUNDANGAN PENTADBIRAN ZAKAT DI NEGERI KEDAH: SATU ANALISIS PERBANDINGAN

(THE LEGAL FRAMEWORK OF ZAKAT ADMINISTRATION IN KEDAH :
A COMPARATIVE ANALYSIS)

Muhammad Hafiz bin Badarulzaman¹,
Alias Azhar²,
Che Thalbi Md Ismail³,

Abstrak

Perundangan zakat Kedah telah melalui transformasi dengan wujudnya Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman 2015. Enakmen ini telah memansuhkan enakmen terdahulu iaitu Enakmen Zakat Kedah 1955. Kewujudan enakmen baru ini juga memberikan pelbagai implikasi perundangan kepada status Lembaga Zakat Kedah yang sebelumnya dikenali sebagai Jabatan Zakat Kedah. Secara ringkas, perbincangan kertas kerja ini akan menghuraikan secara ringkas sejarah kerangka perundangan di Negeri Kedah. Seterusnya kertas kerja ini akan meninjau sorotan karya berkaitan organisasi yang mentadbir dan menguruskan zakat di Malaysia. Kertas kerja ini bersifat kualitatif dan akan menggunakan kaedah kajian sejarah (historical approach) yang melihat asas penubuhan sesuatu organisasi serta penggubalan sesuatu enakmen. Manakala kajian perbandingan (comparative approach) digunapakai bagi membanding enakmen terdahulu dan terkini di Kedah. Kesimpulannya, enakmen terkini mempunyai banyak implikasi perundangan termasuklah bidang kuasa pentadbiran dan pengurusan, kesan entiti berasingan dan aspek hukuman serta kesalahan. Implikasi ini memberikan ruang positif agar pentadbiran dan pengurusan zakat lebih tersusun dan menyeluruh di negeri Kedah.

Keywords: Undang-Undang Zakat, Lembaga Zakat Kedah, Enakmen

The legal framework of Zakat in Kedah has been transformed with the newly introduced of the Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Enactment 2015. This enactment has repealed the previous enactment which is Zakat Kedah Enactment 1955 and it gives legal implications to the status of Lembaga Zakat Kedah in which it was known as Jabatan Zakat Kedah. Briefly, this article will highlight on the legal framework history of Zakat in Kedah. This article is a qualitative in nature and will be using the historical approach and comparative approach. In a nutshell, the current enactment has a number of legal implications including the jurisdiction of the administration, the effect of separate entity as well as the offences and penalty aspects. The implications have given a positive impacts towards the administration and management of zakat as to be more structured and comprehensive in Kedah.

Keywords: Law of Zakat, Lembaga Zakat Kedah, Enactment

2017 GBSE Journal

¹Calon Ph.D dan Pensyarah, Pusat Pengajian Undang-Undang, UUM-COLGIS, 06010 UUM Sintok, Kedah. Emel: mdhafiz@uum.edu.my. Tel:04-928 7803 Fax: 04-928 4205 (corresponding author)

²Profesor Madya, Pusat Pengajian Undang-Undang, UUM-COLGIS, 06010 UUM Sintok, Kedah. Emel: az.alias@uum.edu.my. Tel 04-928 8101 Fax: 04-928 4205

³Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-Undang, UUM-COLGIS, 06010 UUM Sintok, Kedah. Emel: chet1048@uum.edu.my. Tel 04-928 8101 Fax: 04-928 4205

Pengenalan

Undang-undang tertinggi di Malaysia ialah Perlembagaan Persekutuan. Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa mana-mana undang-undang yang diluluskan selepas merdeka dan bertentangan dengan perlembagaan persekutuan maka undang-undang tersebut dianggap batal. Dapatlah difahami bahawa Perlembagaan Persekutuan mengatasi undang-undang lain di Malaysia. Oleh itu, bagi memahami kedudukan *zakat* di Malaysia khususnya di Kedah maka perhatian perlu diberikan kepada kedudukan *zakat* di dalam perlembagaan persekutuan.

Jadual Kesembilan Senarai II-Senarai Negeri, Perenggan 1 Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan *zakat* sebagai hal ehwal yang akan ditadbir di bawah bidang kuasa negeri. Institusi yang mempunyai bidang kuasa negeri yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan *zakat* di Malaysia ialah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Manakala Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa negeri bagi urusan pendakwaan kes-kes jenayah syariah melibatkan orang-orang yang beragama Islam bagi kesalahan mengutip, mengagih atau menyalahguna bantuan *zakat*.

Kedah mempunyai satu set undang-undang khusus berkaitan *zakat* yang telah berkuatkuasa sejak sebelum merdeka. Undang-undang tersebut dikenali sebagai Enakmen Zakat Kedah 1955. Enakmen ini merupakan undang-undang di peringkat negeri yang digubal oleh sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah. Sebelum wujudnya enakmen ini, set undang-undang tersebut dikenali sebagai rang undang-undang. Rang undang-undang ini perlu dibaca dan mendapat persetujuan oleh majoriti sidang DUN. Setelah dipersetujui maka rang undang-undang tersebut akan diisytiharkan untuk mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Kedah. Setelah mendapat perkenan KDYMM Sultan Kedah, rang undang-undang tersebut akan diwartakan sebagai enakmen (Anwarul Yaqin, 2007).

Enakmen *zakat* yang diwartakan akan dikuatkuasakan dan dipantau oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK). Segala urusan berkaitan pentadbiran dan pengurusan *zakat* merangkumi aspek mengutip, mengagih, membayar *zakat* sehinggalah kesalahan dan hukuman seperti yang diperuntukkan akan diselia oleh JZNK. Pada tahun 2015, Enakmen Zakat Kedah 1955 telah dimansuhkan dan telah digantikan dengan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman (ELZKDA 2015). Badan yang bertanggungjawab dari sudut pentadbiran dan pengurusan *zakat* di Kedah kini dikenali sebagai Lembaga Zakat Kedah Darul Aman (LZK).

Oleh itu, artikel ini akan mengupas dan menganalisis secara perbandingan enakmen terdahulu dan terkini. Perbandingan tersebut akan dibuat berdasarkan bidang kuasa pentadbiran dan pengurusan *zakat* di Kedah. Artikel ini juga akan menganalisis dapatan kesan-kesan entiti berasingan terhadap kewujudan LZK. Selain itu, artikel ini juga akan menghuraikan *lacunae* yang wujud berkaitan kesalahan *zakat* dan hukumannya. Walaupun begitu, hanya beberapa peruntukan utama yang memberikan kesan besar kepada kerangka perundangan sahaja akan dianalisis.

Sorotan Karya

Pentadbiran dan pengurusan *zakat* di Malaysia ditadbir dengan pelbagai enakmen sepertimana tertera di Jadual 1. Kepelbagaian ini berlandaskan kepada perkara yang sedia

termaktub di dalam perlembagaan persekutuan iaitu hal ehwal agama akan ditadbir oleh negeri masing-masing. Pusat, jabatan mahupun lembaga *zakat* adalah organisasi yang bertanggungjawab dalam mengurus dan mentadbir *zakat*. Beberapa kajian dan penulisan terdahulu telah dibuat berkaitan organisasi mahupun badan yang mengurus dan mentadbir *zakat* berdasarkan sesebuah negeri. Raja Muhd Azman Raja Azam *et al.* (2015) pernah membincangkan tentang pelaksanaan sistem agen dalam kutipan *zakat* di negeri Perlis. Manakala Muhsin Nor Paizin (2013) telah membuat kajian berkaitan pelaksanaan kutipan dan agihan *zakat* di Wilayah Persekutuan. Muhammad Faris Zulkifli (2015) pula membuat kajian berkaitan pengurusan *zakat* secara keseluruhan di Terengganu. Nor Azmi Musa (2006) telah membuat penulisan berkaitan pengurusan kutipan *zakat* di Negeri Sembilan.

Negeri	Enakmen Berkaitan Pentadbiran Zakat
Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006
Kedah	Enakmen Lembaga <i>Zakat</i> Kedah 2015
Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004
Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
Wilayah Persekutuan	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
Selangor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002
Negeri Sembilan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003
Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003
Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
Terengganu	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001
Pahang	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991
Sabah	Enakmen <i>Zakat</i> dan Fitrah 2003
Sarawak	Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001

Jadual 1 : Enakmen Berkaitan Pentadbiran Zakat Mengikut Negeri

Kajian dan penulisan terdahulu juga pernah dibuat secara perbandingan antara institusi-institusi *zakat* negeri. Misalannya Adibah Abdul Wahab dan Joni Tamkin (2015:5) telah membuat kajian perbandingan prestasi kutipan *zakat* oleh institusi-institusi *zakat* seluruh Malaysia. Menurut kajian tersebut, statistik kutipan *zakat* antara tahun 2003 hingga 2012 menunjukkan bahawa telah berlaku peningkatan kutipan sebanyak 356.3 peratus dalam jangka masa 10 tahun. Manakala Zakaria Bahari (2013) telah membuat kajian perbandingan antara dua negeri iaitu Lembaga *Zakat* Selangor dan Pusat Urus *Zakat* Pulau Pinang. Kajian dibuat dari sudut pengagihan *zakat* produktif antara kedua-dua negeri.

Penulisan yang lebih khusus membabitkan kerangka perundangan *zakat* di negeri Kedah telah dihasilkan oleh Mohammad Azam Hussain dan Zuryati Mohamed Yusoff pada tahun 2005. Kajian tersebut menumpukan pindaan menyeluruh di bawah Enakmen *Zakat* Kedah 1955. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, wujud *lacunae* dalam enakmen terdahulu. Walau bagaimanapun, artikel ini bukan sekadar meninjau kepada pindaan yang dibuat di bawah enakmen terdahulu tetapi meneliti enakmen terkini yang baru diperkenalkan pada tahun 2015.

Artikel ini juga akan membuat perbandingan perundangan antara kedua-dua enakmen tersebut.

Metodologi Kajian

Artikel ini akan merujuk kepada peruntukan undang-undang utama yang terdapat di dalam enakmen negeri Kedah. Kajian di dalam artikel ini bersifat kualitatif yang tidak menggunakan teknik statistik kuantitatif (David Silverman, 2010). Ia juga menggunakan kaedah kajian sejarah (*historical approach*) iaitu melihat asal usul sesebuah institusi itu ditubuhkan atau melihat bagaimana sesuatu peruntukan telah digubal. Kaedah kajian perbandingan (*comparative approach*) juga akan diguna pakai sepanjang penulisan artikel ini bagi mengkaji titik persamaan dan perbezaan antara dua situasi dalam sistem undang-undang yang sama (Anwarul Yaqin, 2007). Kajian perbandingan dalam artikel ini dibuat antara enakmen negeri terdahulu dan terkini. Analisis dapatan kajian ini dibuat menggunakan teknik deskriptif iaitu jadual dan carta. Segala butiran berkaitan enakmen terdahulu dan terkini dijelaskan melalui jadual atau carta. Artikel ini membuat andaian bahawa semua data yang diperolehi adalah dari sumber kajian yang benar.

Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan, terdapat empat dapatan utama kertas kerja ini sebagaimana berikut:-

Undang-undang Subsidiari Zakat di Kedah

Pada tahun 1955 bersamaan 1374H, Enakmen *Zakat* Kedah 1955 (No 4) telah diperkenalkan dan merupakan undang-undang *zakat* di negeri Kedah. Beberapa pindaan telah dibuat melalui enakmen ini pada tahun 1962 dan 1982. Ia merupakan satu-satunya enakmen berkaitan *zakat* yang paling lama berkuatkuasa sebelum merdeka sehinggalah dimansuhkan pada tahun lepas di Malaysia. Enakmen ini telah digantikan dengan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 yang telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada 20 Ogos 2015 bersamaan 5 Dzulkaedah 1436H dan diterbitkan dalam Warta Kerajaan pada 3 Disember 2015. Berdasarkan Seksyen 53 (1), Enakmen Zakat Kedah 1955 (No 4) yang disebut sebagai enakmen terdahulu telah dimansuhkan. Jadual 2 menjelaskan dua jenis enakmen terdahulu dan terkini yang diguna pakai di negeri Kedah.

Enakmen	Tahun
Enakmen Zakat Kedah	1955
Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman	2015

Jadual 2 : Jenis-jenis enakmen berkaitan *zakat* di negeri Kedah

Perbezaan antara enakmen terdahulu dan terkini ialah pada undang-undang subsidiari. Enakmen Zakat Kedah 1955 mempunyai undang-undang subsidiari iaitu Peraturan-Peraturan Zakat Tahun 1982. Peraturan ini menjelaskan lagi peranan dan tanggungjawab terperinci berkaitan *zakat* di bawah enakmen terdahulu. Bentuk kesalahan dan hukuman turut dijelaskan dalam peraturan tersebut. Walaupun begitu, penggubalan ELZKDA 2015 tidak menafikan

kewujudan peraturan tersebut sepertimana yang termaktub menerusi Seksyen 53 (2) ELZKDA 2015.

Berdasarkan peruntukan ini, dapatlah difahami bahawa Peraturan-peraturan Zakat 1982 masih terpakai. Sekiranya terdapat sebarang peruntukan yang tidak selaras dengan enakmen terkini maka peruntukan tersebut tidak terpakai di bawah ELZKDA 2015. Selain itu, enakmen terkini belum lagi membuat sebarang undang-undang subsidiari maka Peraturan-peraturan *Zakat* 1982 dianggap berkuatkuasa setakat mana ia selaras dengan peruntukan ELZKDA 2015.

Bidangkuasa Pentadbiran dan Pengurusan Zakat

Komiti *zakat* pada asalnya merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus *zakat* berdasarkan Enakmen Zakat Kedah 1955. Berdasarkan seksyen 3, komiti *zakat* merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam mengurus dan mengawalselia urusan *zakat*. Syarat utama seseorang ahli dalam komiti *zakat* ialah mesti beragama Islam, berpengetahuan dalam hukum *zakat* serta dilantik oleh KDYMM Sultan Kedah yang memegang jawatan tidak melebihi 3 tahun (Muhammad Hafiz Badarulzaman, 2015). Syarat yang sama masih digunapakai kini sepertimana termaktub dalam Seksyen 6 (1)(e) dan Seksyen 6 (2) ELZKDA 2015). Cumanya peruntukan terkini menjelaskan dengan lebih terperinci tanggungjawab bagi membantu KDYMM Sultan Kedah dalam perkara berkaitan *zakat* dan *zakat fitrah*.

Nama komiti *zakat* telah ditukar kepada Jawatankuasa Zakat pada 26 Syawal 1397H (12 Oktober 1977) (Mohammad Azam Hussain dan Zuryati Mohamed Yusoff, 2005) Sungguhpun begitu, menurut seksyen 2 (1) ELZKDA 2015 dengan jelas menyatakan bahawa Jawatankuasa Zakat telah dimansuhkan oleh enakmen inidan menggantikannya dengan Lembaga Zakat (Seksyen 4(2), ELZKDA 2015). Ini dapat difahami melalui Carta 1 yang menunjukkan perkembangan pihak yang bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus *zakat* di negeri Kedah iaitu bermula komiti *zakat*, ahli jawatankuasa *zakat* dan ahli lembaga *zakat*.



Carta 1 : Perkembangan Pihak Berkuasa Dalam Menguruskan *Zakat*

Berdasarkan Seksyen 6 Enakmen Zakat Kedah 1955, tugas atau fungsi Jawatankuasa Zakat ialah memungut dan menjaga *zakat*, memungut dan mengadakan tadbiran yang sempurna dan mengeluarkan bayaran daripadanya menurut Undang-undang Islam sepertimana dijelaskan melalui Jadual 3. Seksyen 8 dalam enakmen yang sama menggariskan Jawatankuasa Zakat sebagai berhak untuk melantik pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja untuk menjalankan urusan berkaitan urusan *zakat* sebagaimana yang difikirkan wajar. Selain itu, fungsi Jawatankuasa Zakat juga boleh dilihat melalui Peraturan-Peraturan Zakat Tahun 1982 berdasarkan seksyen 4. Peruntukan tersebut menjelaskan bahawa Jawatankuasa Zakat merupakan institusi yang berhak memungut *zakat*, menubuhkan jawatankuasa kerja dan melantik pegawai-pegawai untuk menjalankan pengurusan *zakat*.

Walaupun begitu, di bawah ELZKDA 2015 senarai fungsi dan tugas serta lantikan disatukan dalam satu peruntukan iaitu Seksyen 19 berkaitan fungsi lembaga. Fungsi lembaga diperluaskan dan dinyatakan dengan lebih jelas dan spesifik tanpa diperincikan di dalam undang-undang subsidiari seperti tugas dalam enakmen dan peraturan terdahulu termasuklah mendidik orang Islam berkaitan kewajipan membayar *zakat*, menjalankan bancian berhubung orang yang layak dikenakan *zakat*, menyediakan anggaran kutipan dan agihan tahunan serta sebagainya.

Enakmen	Peruntukan	Huraian
Enakmen Zakat Kedah 1955	Seksyen 6	Fungsi Jawatankuasa Zakat ialah memungut dan menjaga <i>zakat</i> , memungut dan mengadakan tabdiran yang sempurna dan mengeluarkan bayaran daripadanya menurut Undang-undang Islam
Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015	Seksyen 19	Fungsi lembaga untuk mendidik orang Islam berkaitan kewajipan membayar <i>zakat</i> , menjalankan bancian berhubung orang yang layak dikenakan <i>zakat</i> , menyediakan anggaran kutipan dan agihan tahunan serta sebagainya

Jadual 3 : Fungsi Jabatan dan Lembaga berkaitan Zakat

Secara tidak langsung, fungsi utama LZK tidak hanya tertakluk kepada pentadbiran dan pengurusan *zakat* tetapi dinyatakan dengan jelas dalam enakmen tentang pendidikan dan dakwah berhubung kewajipan *zakat*. Menurut peruntukan yang sama, LZK juga boleh melantik dan membayar ejen secara spesifik seperti amil, peguambela dan peguam cara, juru bank, broker saham atau mana-mana orang lain dalam menguruskan *zakat* dengan lebih baik. Lantikan yang disebut secara spesifik menunjukkan bahawa pihak-pihak tersebut adalah pihak yang kerap dan banyak berurusan dengan pihak LZK.

Kesalahan dan Hukuman Zakat

Berdasarkan sejarah, seorang petani pernah didakwa dan dihukum penjara sebanyak tiga kali kerana kegagalan membayar *zakat* padi (Mohammad Azam Hussain dan Zuryati Mohamed Yusoff, 2005). Ahmad Hidayat (2005) juga menegaskan bahawa sebanyak 36 kes berkaitan kesalahan-kesalahan *zakat* berlaku di Kedah antara 1965 hingga 1966. Ini menunjukkan bahawa undang-undang *zakat* di Kedah telah dikuatkuasa dengan baik. Mengikut seksyen 9 Enakmen Zakat Kedah 1955, Jawatankuasa Zakat mempunyai kuasa untuk membuat dan mengadakan peraturan-peraturan yang perlu dari semasa ke semasa berkaitan dengan pentadbiran *zakat* di negeri Kedah sepertimana dinyatakan di Jadual 4. Kesalahan dan

hukuman berdasarkan enakmen terdahulu banyak dijelaskan oleh Peraturan-peraturan Zakat 1982.

Enakmen	Peruntukan	Huraian
Enakmen Zakat Kedah 1955	Seksyen 9	Kuasa membuat peraturan-peraturan yang perlu dar masa ke semasa
Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015	Seksyen 22(1)	Kuasa membuat peraturan mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian <i>zakat</i> dan <i>zakat</i> fitrah.

Jadual 4 : Kuasa Jabatan dan Lembaga Untuk Membuat Peraturan

Kesalahan-kesalahan tersebut dinyatakan melalui Seksyen 15 (i) seperti kenyataan palsu berkaitan *zakat*, keengganan membayar *zakat* atau membayar *zakat* sepenuhnya, membayar *zakat* kepada bukan amil, tidak ditauliahkan sebagai amil, menghasut untuk tidak membayar *zakat* dan menjual atau memindah milik padi sebagai alasan untuk tidak membayar *zakat*. Hukuman tersebut hanya dikhususkan pada kegagalan membayar *zakat* padi iaitu denda RM500.00 atau penjara tidak lebih enam bulan.

ELZKDA 2015 turut menggariskan kuasa kepada LZK untuk membuat kuasa. Ini dapat dirujuk menerusi Seksyen 22 (1) yang memberikan kuasa kepada LZK untuk membuat peraturan mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian *zakat* dan *zakat* fitrah. Di bawah subseksyen (2) melalui seksyen yang sama, peraturan-peraturan boleh dibuat bagi menentukan kadar semasa *zakat* dan *zakat* fitrah, tatacara pemungutan dan pengagihan *zakat* dan *zakat* fitrah serta apa-apa yang difikirkan sesuai oleh LZK untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan dalam enakmen ini. Secara tidak langsung kerangka perundangan berkaitan kesalahan dan hukuman masih kekal seperti enakmen terdahulu. Cumanya pihak LZK lebih mudah menggunakan metod dakwah berbanding metod hukum dalam menguatkuasakan hal-hal berkaitan pentadbiran dan pengurusan *zakat* (Muhammad Hafiz Badarulzaman *et. al*, 2015). Malahan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Kedah 2014 turut tidak memperuntukkan satu kesalahan khusus berkaitan *zakat* mahupun *zakat* fitrah (Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Siti Nabilah Sulaiman, 2016).

Kesan Entiti Berasingan (Separate Legal Entity)

Enakmen terkini yang digubal memperuntukkan seksyen berkaitan kuasa lembaga sebagai sebuah entiti yang berasingan iaitu boleh mendakwa dan didakwa (Seksyen 4 (3), ELZKDA 2015). Kuasa mendakwa dan didakwa bermaksud LZK boleh mendakwa mana-mana individu, pertubuhan atau organisasi dan begitu juga sebaliknya. Penjelasan kuasa boleh mendakwa dan didakwa dapat dilihat melalui kes *Foss v. Harbottle* (1843). Mahkamah memutuskan bahawa tindakan dua orang pemegang saham yang ingin mengambil tindakan undang-undang terhadap pengarah dan beberapa orang ahli syarikat adalah tidak sah kerana

tindakan tersebut seharusnya diambil oleh syarikat sendiri kerana syarikat mempunyai hak untuk mendakwa (Muhammad Hafiz Badarulzaman *et.al*, 2015) Berdasarkan kes ini, dapatlah difahami bahawa LZK sudah menjadi sebuah entiti korporat dan bukan hanya sekadar sebuah organ dalam institusi Islam di negeri Kedah.

Subseksyen 6 di dalam seksyen yang sama turut memperuntukan hak lembaga untuk memiliki harta. Ini dapat dirujuk menerusi kes *Macaura v. Northern Assurance Co. Ltd.* [1925] apabila mahkamah memutuskan bahawa insuran perlu didaftarkan atas nama syarikat dan bukan atas nama pemilik syarikat. Hal ini kerana syarikat boleh memiliki harta dan begitu juga LZK yang dianggap sebagai entiti korporat yang berasingan. Bahkan di dalam Seksyen 5 (1) ELZKDA 2015, LZK dianggap sebagai pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun (*perpetual life*). Ini bermaksud LZK akan dianggap hidup biarpun ahli lembaga meninggal dunia atau bersilih ganti.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, penggubalan enakmen baru telah memberikan implikasi kepada kerangka perundangan *zakat* di Negeri Kedah. LZK yang menggantikan JZNK bertanggungjawab dalam pentadbiran dan pengurusan kutipan dan agihan bagi *zakat* fitrah dan *zakat* harta. Selain itu, undang-undang subsidiari yang berada di bawah enakmen terdahulu dianggap kekal berkuatkuasa selagi ia selaras dengan enakmen terkini. Manakala dari sudut aspek hukuman dan kesalahan, penggubalan enakmen baru masih mengekalkan *status quo* untuk mendekati pesalah-pesalah *zakat* melalui metod dakwah dan bukan metod hukuman.

Konsep entiti korporat yang berasingan menjadi simbol utama kepada institusi *zakat* di negeri Kedah. LZK tidak lagi dilihat hanya sebagai salah satu organ dalam institusi Islam di Kedah, bahkan ia dilihat sebagai sebuah institusi korporat yang boleh mendakwa dan didakwa, memiliki harta persendirian dan kekal hidup berterusan. Kewujudannya sebagai entiti korporat melalui penggubalan enakmen terkini dapat menjadikan pentadbiran dan pengurusan *zakat* dilihat lebih tersusun dan menyeluruh di negeri Kedah.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada kutipan dan analisis data penyelidikan PhD serta merupakan hasil kajian Geran Penyelidikan Insentif Pasca Siswazah di bawah Ghazali Shafie Graduate School (GSGSG) Universiti Utara Malaysia.

Rujukan

- Adibah Abdul Wahab dan Joni Tamkin (2015). Analisis Prestasi Kutipan *Zakat* di Malaysia dalam *Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*, disunting Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohammad Taqiyuddin Mohamad, Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Akademi Pengajian Islam Malaysia.
- Ahmad Hidayat Buang (2005). *Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat dan Fitrah di Malaysia*, dalam Mahkamah Syariah di Malaysia-Pencapaian dan Cabaran, disunting oleh Ahmad Hidayat Buang, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

- Anwarul Yaqin. (2007) *Legal Research and Writing*, Kelana Jaya:Lexis Nexis, p.3, p.138
- David Silverman. (2010) *Doing Qualitative Research*, London:Sage Publication Ltd p.8
- Mohammad Azam Hussain dan Zuryati Mohamed Yusoff (2005). *Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah: Satu Tinjauan dalam Ulum Islamiyah*, Vol. 4 No. 1
- Muhammad Faris Zulkifli (2015) *Zakat Institution Performance : A Study in Terengganu dalam Fiqh Zakat : Addressing Fiqh Zakat Issues in The Contemporary World*, disunting oleh Abd Halim Mohd Noor dan Mohamed Saladin Abd Rasool. Alor Gajah : Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ).
- Muhammad Hafiz Badarulzaman, Alias Azhar dan Che Thalbi Md Ismail. (2015) *Pengurusan Zakat Perbankan Di Jabatan Zakat Negeri Kedah : Satu Tinjauan*, Prosiding UUM International Legal Conference 2015, Sintok: UUM Press
- Muhammad Hafiz Badarulzaman, Alias Azhar dan Che Thalbi Md Ismail. (2015) *Isu Perundangan Zakat Perbankan Di Sebuah Institusi Perbankan Islam Terpilih di Malaysia dalam Fiqh Zakat : Addressing Fiqh Zakat Issues in The Contemporary World*, disunting oleh Abd Halim Mohd Noor dan Mohamed Saladin Abd Rasool. Alor Gajah : Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ).
- Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Siti Nabilah Sulaiman. (2016) *Undang-Undang Pentadbiran Dan Pengurusan Zakat Di Malaysia : Perbandingan Antara Enakmen Negeri-Negeri*, Prosiding 5th International Conference on Law and Society 2016, Kuala Terengganu : Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Muhsin Nor Paizin (2013) *Perlaksanaan Zakat di Wilayah Persekutuan: Satu Pemerhatian Terhadap Operasi Kutipan dan Agihan* dalam Jurnal Hadhari Jilid 6 Vol.2, 97-111.
- Nor Azmi Musa. (2006) *Koleksi dan Pengurusan Kutipan Zakat Negeri Sembilan*, dalam *Zakat Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, disunting oleh Abd Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir, Bangi: Penerbit UKM.
- Raja Muhd Azman Raja Azam, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad. (2006) *Perlaksanaan Sistem Agen Dalam Kutipan Zakat di Negeri Perlis dalam Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*, disunting Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohammad Taqiyuddin Mohamad, Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Akademi Pengajian Islam Malaysia, h.37-47
- Zakaria Bahari, *Pengagihan Zakat Produktif: Suatu Analisis Perbandingan di Lembaga Zakat Selangor dan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (2013) dalam Pengurusan Zakat Kontemporari*, disunting Abd Halim Mohd Noor, Hasan Bahrom, Arifin Md Salleh, Abd Rahim Ridzuan, Azhana Othman, Zunaidah Ab Hassan, Siti Mariam Ali, Nor Shahrina Mohd Rafien, Maymunah Ismail, Asmahani Atan, Alor Gajah:Institut Kajian Zakat Malaysia, h.457-472

Kes:

Foss v Harbottle (1843) 2 Hare 461

Macaura v. Northern Assurance Co. Ltd. [1925] AC 619

Statut:

Perlembagaan Persekutuan

Enakmen *Zakat* Negeri Kedah 1955

Enakmen Lembaga *Zakat* Negeri Kedah Darul Aman 2015